

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	21 JANUARY 2017

Pengakuan beri jawatan TPM kepada DAP jika menang PRU-14

Mahathir ditempelak

Um - 21/1/2017

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
dan ZULFADLI SHARIFUDIN

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 20 JAN.

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menempelak pengakuan Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk memberikan jawatan Timbalan Perdana Menteri kepada DAP jika pakatan pembangkang memenangi pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri berkata, ‘perjanjian’ antara Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu dengan Penasihat DAP, Lim Kit Siang bakal memberikan implikasi besar kepada negara.

“22 tahun dia kutuk Kit Siang sebagai rasis anti-Islam, anti-Melayu, tiba-tiba jawatan Timbalan Perdana Menteri nak beri kepada Kit Siang. Di mana akalnya? Kalau begitu kita tidak boleh mengharapkan masa depan kita. Janganlah kerana politik, kita buat pakatan macam ini yang ada implikasi besar kepada kita semua.

“Justeru, rakyat tidak perlu terlalu banyak berfikir sebab kita nak sebuah kerajaan yang mempunyai wawasan ke hadapan untuk membawa negara ke mercu kejayaan dalam senarai 20 terbaik dunia dalam tempoh 30 tahun akan datang. Sekiranya rakyat tahu hala tuju dan sokong kerajaan, kita akan sampai ke destinasi yang diimpikan,” katanya ketika berucap pada program Jom Bantu Rakyat di Desa Pandan, di sini hari ini.

Dalam program di Yayasan Kepimpinan Perdana di Putrajaya semalam, bekas Perdana Menteri itu mengakui DAP pernah meminta jawatan Timbalan Perdana Menteri sekiranya pakatan pembangkang menang Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Walau bagaimanapun, Kit



NAJIB TUN RAZAK melakukan tinjauan di sekitar flat Desa Pandan, Kuala Lumpur, semalam, pada program Jom Bantu Rakyat, sambil diiringi Johari Abdul Ghani dan Tengku Adnan Tengku Mansor. - UTUSAN/RIDUAN RIZAL AHMAD

Siang menafikan sekeras-kerasnya pendedahan Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim itu sekali gus mahu mengambil tindakan undang-undang ke atas *Utusan Malaysia* dan akhbar terbitan New Straits Times Press Bhd. (NSTP) yang melaporkan isu berkenaan.

Sementara itu, **Tunku Abdul Aziz** ketika dihubungi berkata, pendedahan Dr. Mahathir bahawa DAP pernah meminta jawatan Timbalan Perdana Menteri itu mengesahkan kesahihan wujudnya pakatan sulit antara kedua-dua pihak itu, namun ia tidak disedari oleh pemimpin-pemimpin pembangkang lain.

“Kenyataan Dr. Mahathir ini jelas membuktikan pendedahan saya sebelum ini tidak direka semata-mata sebaliknya berlandaskan bukti yang

kuhek dan kebenaran pasti akan terungkap satu hari nanti.

“Sekiranya Lim Guan Eng (Setiausaha Agung DAP yang belum disahkan jawatannya) pula menafikan kenyataan kononnya mereka tidak meminta jawatan Timbalan Perdana Menteri itu maknanya dia menuduh Dr. Mahathir sebagai pembohong,” ujarnya.

Difahamkan, Dr. Mahathir telah memberitahu Kit Siang bahawa media tertentu telah memutar-belit kata-kata beliau mengenai DAP kononnya meminta jawatan Timbalan Perdana Menteri itu pada satu pertemuan bersama pada pagi ini yang turut dihadiri Ahli Parlimen Kluang, Liew Chin Tong.

Walau bagaimanapun, usaha *Utusan Malaysia* menghubungi Kit Siang gagal apabila beliau

hanya memutuskan talian selepas dimaklumkan identiti wartawan yang membuat panggilan itu daripada akhbar tersebut dan meminta mengajukan soalan melalui e-mel.

Usaha menghubungi Chin Tong juga tidak berjaya termasuk melalui aplikasi WhatsApp.

Namun, mengikut laporan portal berita propembangkang, *Malaysiakini*, Chin Tong memberitahu, Kit Siang memaklumkan kepada Dr. Mahathir bahawa DAP tidak meminta jawatan tersebut.

“Mengenai persoalan jawatan Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir menjelaskan bahawa media tertentu telah memutar belit kata-katanya. Beliau hanya berkata pernah mendengar cadangan sedemikian,” katanya.